

(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)

Memenuhi Keperluan dan Kurnia Unik Ahli Dewasa Bujang

Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir merupakan sebuah keluarga global dan pelbagai yang bersatu dalam iman kepada Yesus Kristus. Dalam beberapa dekad kebelakangan ini, ciri-ciri demografi Gereja telah berubah sehingga ahli bujang kini membentuk lebih dari separuh keahlian orang dewasa.

Ketika keluarga global ini berkumpul secara maya untuk persidangan umum April 2021, beberapa Rasul berucap tentang keperluan untuk menyokong, menyatukan dan melibatkan ahli Gereja yang masih bujang.

Presiden M. Russell Ballard dari Kuorum Dua Belas Rasul berkata dia dan para pemimpin telah berunding bersama dengan penuh doa tentang kepentingan [“harapan dalam Kristus”](#) untuk lebih memahami “bagaimana membantu semua yang merasa sendirian atau tidak tergolong. Kami ingin membantu semua yang merasa sedemikian.”

Yang menjadi perhatian khusus, kata Presiden Ballard, adalah mereka yang bujang. Gereja secara proaktif mencari cara yang lebih baik untuk membantu dan menyokong ahli yang belum berkahwin atau yang telah bercerai atau janda.

“Gereja mahu dan perlukan anda,” dia berkata. “Ya, kami perlukan anda! Kami perlukan suara, bakat, kemahiran, kebaikan, dan kesolehan anda.”

Untuk melibatkan suara, kemahiran dan bakat ahli-ahli bujang, Gereja baru-baru ini telah memperluaskan jumlah panggilan dan tugas yang mereka boleh serta.

“Kami mahu anda tahu bahawa anda dikasihi — dan sangat diperlukan dalam membina kerajaan Tuhan,” Elder Quentin L. Cook [berkata ketika perubahan ini diumumkan](#). “Atas sebab ini, kami ingin cermat mencari dasar dan persepsi salah yang mungkin membatasi pelayanan Gereja bagi ahli bujang. Apa yang kami dapati adalah dasar Gereja telah membenarkan pelayanan yang luas oleh ahli dewasa bujang — dan ia boleh diperluaskan lagi. ... Kami harap pemimpin anda boleh memberi anda tugas — termasuk sebagai penasihat dalam lembaga uskup, majlis tinggi dan sebagai presiden organisasi dan penasihat.”

Baru-baru ini, Gereja menghasilkan infografik untuk membantu para pemimpin ketika mereka mendengar dan berusaha memahami pengalaman para ahli yang masih bujang. Grafik di bawah menerangkan apa yang ahli-ahli ini katakan tentang apa yang mereka perlukan, mengapa mereka bergelut, di mana mereka mendapat kekuatan rohani dan bagaimana para pemimpin dapat membantu mereka. Contohnya, berhubungan dengan Tuhan, mempunyai sokongan sosial, dan terlibat dalam pengalaman yang relevan adalah perkara penting bagi mereka.

Maklumat untuk Membantu Para Pemimpin dan Golongan Belia (YSA)

Apa Yang YSA Perlukan



Hubungan dengan Tuhan

Mempunyai hubungan peribadi dengan Tuhan mendorong tingkah laku agama yang berterusan. YSA memerlukan banyak pengalaman rohani peribadi semasa menerusi perjalanan hidup mereka. Pengalaman ini sering berlaku dalam konteks perhubungan peribadi yang mendalam dengan orang lain.



Sokongan Sosial dan Perasaan Tergolong


Perasaan tergolong dan mempunyai kawan di Gereja, membuat mereka rasa diterima dan penting adalah terutama.



Kaitan

Pemuda pemudi perlukan pesanan, aktiviti, pengalaman penyembahan, dan interaksi bersama para pemimpin yang memahami keadaan dan peringkat hidup mereka sekarang.

5 Sumber Peningkatan Rohani untuk YSA di Amerika Syarikat



Bagaimana kita dapat memanfaatkan pelayanan, waktu bersama rakan atau keluarga, dan menghayati alam sekitar untuk bantu orang muda meningkatkan hubungan mereka dengan Yesus Kristus, rasa tergolong dan menjalin perhubungan, dan berhasrat untuk terus berada di jalan perjanjian?

Mengapa YSA Bergelut



Gangguan Peralihan

Peralihan dari remaja ke YSA (Golongan Belia) dan dari YSA ke SA (Dewasa Bujang) mungkin sukar. Rutin dan kebiasaan keagamaan, dan jaringan sosial, mungkin terganggu, dan menyebabkan ketidaksesuaian dan penilaian semula.



Perasaan Dihakimi

Ada YSA yang rasa dihakimi oleh ahli lain, yang menyebabkan perasaan terasing dari inilah. Para lelaki yang tidak melaini misi dan yang belum berkawin "tepat pada masanya" turut terkena.



Budaya Gereja

YSA bergelut dengan budaya Gereja yang tumpukan pada penampilan luaran (cth. janggut, banyak bertindik, bujang, pelayan misi) daripada "pada hati". YSA turut bergelut dengan budaya yang menyukarkan mereka membezakan antara tradisi dan ajaran.

Bagaimana untuk Membantu YSA

Budaya Mengalu-alukan

Bantu mewujudkan persekitaran Gereja yang lebih mengalu-alukan yang menjalin hubungan yang mendalam dan bermakna. Juga, fokus untuk membantu YSA merasa difahami dan didengar daripada hanya bercakap.



Pengalaman Berkaitan

Pertimbangkan cara-cara menjadikan pengalaman Gereja lebih relevan bagi YSA. Cara-caranya adalah menjadikan waktu kelas kedua yang lebih akrab (lebih sedikit orang), tumpukan pada peluang pelayanan yang lebih bermakna, forum perbincangan masalah, dan mengubah bentuk pesanan dan cara penyampaian para pemimpin.

Semasa Anda Pertimbangkan Penyelesaian di Kawasan Anda ...

Fokus pada YSA (golongan belia) yang, tanpa mengira sebabnya, ...

Bergelut dalam iman mereka

- Tidak yakin dengan komitmen mereka terhadap Gereja
- Telah menyatakan persoalan atau keraguan
- Telah berdosa dan merasakan tiada jalan kembali


Tidak Tergolong

- Lebih introvert
- Penampilan dan tindakan berbeza
- Mempunyai pelbagai pandangan politik dan sosial

Kekurangan Sokongan Sosial

- Penganut Baru Gereja
- Mempunyai beberapa rakan atau keluarga ahli gereja
- Bercerai atau janda
- Dikenali sebagai minoriti (bangsa, orientasi seksual)
- Mengalami status ekonomi yang lebih rendah

Ingatlah bahawa Proses untuk membentuk penyelesaian adalah sama penting dengan penyelesaian



Pertimbangkan idea yang pernah dihasilkan oleh YSA di seluruh Amerika Syarikat.

Aktiviti dan Bersosial

- Aktiviti mingguan yang lebih holistik (aitu seronok, rohani, sosial, jasmani)
- Tempat berkumpul YSA
- Persidangan YSA
- Pengalaman Institut yang baru dan berbeza

Pengalaman Penyembahan

- Ruang di gereja untuk membincangkan topik sukar
- Pilihan jama'ah yang dipertingkatkan atau fleksibel (cth. saiz kelas yang lebih kecil, kaedah pengajaran yang lebih interaktif)
- Di luar tatacara sakramen, sesuaikan atau luaskan pengalaman penyembahan pada hari Ahad

Pelayanan dan Sumbangan

- Lebih banyak YSA dalam posisi kepimpinan
- Hapuskan panggilan "lembut atau palsu"
- Pelayanan tempatan (cth. dapur pengagihan makanan, kebun masyarakat, JustServe atau peluang pelayanan berterusan lain yang selalu disertai oleh unit)



Grafik ini dicipta untuk tujuan membantu pemimpin dan golongan belia semasa mereka membentuk penyelesaian untuk memenuhi keperluan para belia di kawasan mereka.

© 2021 Intellectual Reserve, Inc. All rights reserved. P000003402

Hanya untuk orang Islam Islam

Elder Gerrit W. Gong [menekankan](#) bahawa “Kedudukan kita bagi Tuhan dan Gereja-Nya bukanlah berdasarkan status perkahwinan kita tetapi menjadi pengikut Yesus Kristus yang setia dan berani. Orang dewasa ingin dilihat sebagai para dewasa yang bertanggungjawab dan menyumbang sebagai para dewasa.”

Presiden Ballard meyakinkan bahawa janji-janji Tuhan untuk permuliaan, termasuk berkat perkahwinan dan untuk hidup sebagai keluarga selama keabadian, tersedia bagi setiap orang yang setia kepada perjanjian injil mereka. Walaupun masa untuk merealisasikan berkat-berkat ini tidak diketahui dengan tepat, katanya, “keyakinan kita terhadap jaminan ini berakar pada iman kita kepada Yesus Kristus yang melalui rahmat-Nya segala hal tentang kefanaan akan dibetulkan.”

Presiden Ballard melanjuti bahawa ahli yang masih bujang perlu mengalami kegembiraan dalam pertumbuhan, sama seperti Orang Suci Zaman Akhir yang lain. “Menunggu Tuhan melibatkan kepatuhan dan kemajuan rohani yang berterusan,” kata Presiden Ballard, yang merupakan seorang duda.

Presiden Ballard juga memperingatkan tentang label yang kita berikan kepada diri sendiri dan orang lain. Tidak ada label, katanya, yang lebih penting daripada menjadi pengikut Kristus dan ahli Gereja-Nya.

“Bertahun kami telah membincangkan tentang ‘golongan belia’, ‘dewasa bujang’ dan ‘orang dewasa’” dia berkata. “Sebutan itu membantu secara pentadbiran tetapi kadang-kadang dapat mengubah cara kami melihat orang lain. Adakah cara untuk mengelak kecenderungan ini yang dapat pisahkan kita dan satu sama lain? Presiden [Gereja] [Russel M.] Nelson meminta agar kita menyebut diri kita sebagai ahli Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir. Bukankah itu merangkumi kita semua?”

Tambahan kepada kita merupakan sebuah keluarga, kitab suci mengajar bahawa Gereja juga merupakan sebuah tubuh. Sama seperti tubuh yang mempunyai banyak bahagian, masing-masing mempunyai tujuan yang unik, demikian juga Gereja mempunyai banyak jenis orang. Masing-masing dianugerahkan kurnia yang memberkati keseluruhan. Yang penting, seperti yang [Rasul Paulus katakan dalam Alkitab](#), sekiranya satu bahagian tubuh mengalami kesakitan, “semua anggota lain menanggung penderitaan juga.” Dan jika bahagian tubuh yang lain dipuji, “semua anggota lain turut bersukacita.”

Sama ada orang berkahwin atau bujang, janda atau bercerai, semua di Gereja adalah milik tubuh Kristus.